



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

MANFAAT PERLINDUNGAN TAKAFUL SIMPAN SSPN PLUS RINGANKAN BEBAN WARIS

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melalui Program Ziarah PTPTN Prihatin telah mengunjungi ibu Allahyarhamah Wan Siti Aishah Megat Hashim iaitu salah seorang pendeposit Simpan SSPN Plus bertempat di kediaman beliau di Jitra, Kedah. Semasa kunjungan ini, YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN telah menyerahkan replika kad manfaat perlindungan takaful dan khairat kematian Simpan SSPN Plus kepada ibu Allahyarhamah. Turut hadir YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Puan Wan Zawiah Wan Abu Bakar, Pengurus Besar Kanan PTPTN dan Encik Fauzi Azli Salleh, Pengarah Negeri Pejabat PTPTN Negeri Kedah.
2. Allahyarhamah Wan Siti Aishah Megat Hashim, 42 tahun telah meninggal dunia pada 13 April 2023 merupakan pendeposit Simpan SSPN Plus yang telah membuka akaun untuk diri sendiri pada 22 September 2016. Allahyarhamah telah membuka akaun di bawah Pakej Nilam sebanyak RM300.00 sebulan iaitu untuk simpanan RM270.00 dan untuk caruman takaful sebanyak RM30.00.
3. Melalui caruman takaful RM30.00 sebulan, beliau sebagai pendeposit Simpan SSPN Plus telah dilindungi dengan manfaat perlindungan takaful (kematian biasa) berjumlah RM90,000.00 dan khairat kematian berjumlah RM3,000.00. Sehubungan itu, jumlah keseluruhan yang diterima oleh waris adalah sebanyak RM93,000.00.
4. Produk Simpan SSPN Plus menawarkan enam (6) pakej simpanan yang terdiri daripada simpanan dan perlindungan takaful yang komprehensif di samping sumbangan premium yang murah. Keistimewaan produk ini adalah sama seperti Simpan SSPN Prime iaitu pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih sehingga RM8,000 setahun, dividen yang kompetitif, simpanan dijamin kerajaan dan patuh

syariah. Menariknya, Simpan SSPN Plus menawarkan keistimewaan tambahan yang lebih baik dari segi manfaat perlindungan takaful dengan tiga (3) pilihan Syarikat Pengendali Takaful iaitu Hong Leong MSIG Takaful Berhad, Great Eastern Takaful Berhad dan Takaful Ikhlas Family Berhad.

5. Menurut Pengerusi PTPTN, YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, “Keistimewaan tambahan yang ditawarkan adalah manfaat perlindungan takaful sehingga RM1.2 juta, manfaat khairat kematian kepada pendeposit, pasangan dan anak-anak maksimum lima (5) orang anak, manfaat takaful penyakit kritikal, elaun kemasukan hospital, perlindungan takaful sehingga umur pendeposit 69 tahun dan manfaat ini tertakluk kepada Syarikat Pengendali Takaful yang dipilih oleh pendeposit. Selain itu, komitmen serendah RM30.00 sebulan untuk pakej intan dan tiada pemeriksaan kesihatan kecuali yang ingin membuka akaun pakej Berlian, perlu menjawab tiga (3) soalan kesihatan.”

6. Pada tahun 2024, PTPTN telah menganjurkan Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2024 dengan tawaran hadiah wang tunai yang lebih lumayan lebih RM1.3 juta untuk 983 orang pendeposit. Kempen ini sebagai usaha PTPTN untuk menggalakkan lagi penabungan dalam kalangan ibu bapa bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak.

7. PTPTN sebagai peneraju tabung pendidikan tinggi negara sentiasa komited meringankan beban yang ditanggung oleh waris dan anak-anak dalam memastikan masa depan pendidikan lebih terjamin. Perancangan kewangan melalui penabungan merupakan aspek penting dalam pendidikan tinggi negara bagi mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan. Layarilah portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my untuk maklumat lanjut.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
03 April 2024